

U GB 27-01 00165 XA748

aab

ASEAN SEHARUSNYA MENERIMA NEGARA-NEGARA INDOCHINA
Mahathir - Asean

SINGAPURA, 27 Jan (Bernama) -- Asean seharusnya menerima negara-negara Indochina menganggotai kumpulan yang mempersetujui Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama, sekiranya negara-negara itu ingin berbuat demikian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, memandangkan pertikaian Kemboja hampir selesai, Asean hendaklah mulai sekarang mengubah sikap permusuhan yang menjadi sebahagian daripada sifat Asia Tenggara pada masa lepas kepada hubungan yang membenakan.

+Bukannya sesuatu yang secara kebetulan bahawa negara-negara Asia Tenggara dalam kumpulan Asean adalah antara yang paling dinamik di dunia,+ katanya ketika berucap pada majlis pembukaan Sidang Kemuncak Asean kali keempat di sini.

Kumpulan itu menunjukkan bahawa sifat berjiran yang berbaik-baik dan bekerjasama serta kesediaan untuk bantu membantu telah menyumbang ke arah pembangunan yang pesat dalam kumpulan Asean, katanya.

+Sekiranya, jika semua negara di Asia Tenggara menerima pendekatan ini memajukan hubungan baik dan ekonomi, maka semua negara di rantau ini akan sama-sama menikmati kemewahan,+ katanya. -- Lagi

▼27/01/11-54MST

U GB 27-01 00152 XA749

aab

Mahathir-Asean 2 Singapura

Datuk Seri Dr Mahathir berkata negara-negara Asean hendaklah mengambil inisiatif untuk menyusun semula hubungan masing-masing dengan negara-negara Indochina menerusi hubungan yang lebih erat dan positif, secara dua hala dan secara berkumpulan.

Beliau juga meminta Asean menggalak dan meningkatkan konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali selain daripada konsep Zon Bebas Senjata Nuklear.

+Saya berharap kuasa ketenteraan terkemuka dengan agensi perisikannya yang paling berkesan adalah salah apabila ia meramalkan kemungkinan berlaku +Perang Teluk+ di Asia Timur yang akan hanya dapat dibendung menerusi kehadiran tenteranya,+ katanya.

Ataupun, katanya, semua negara Asia Timur seharusnya mempelajari daripada perbuatan sia-sia perang menakluk di Teluk.

Sambil menyebut bahawa jiran yang miskin bukannya aset kepada sesiapa pun, Perdana Menteri berkata jika Asean ingin kepada kestabilan dan kemakmuran, maka ia hendaklah membantu jiran-jirannya turut mencapai kemewahan.

+Yang utamanya, ia mesti mengelak daripada sikap berkonfrontasi,+ katanya. -- Lagi

▼27/01/12-12MST

Datuk Seri Dr Mahathir berkata mereka tidak seharusnya membenarkan perbezaan dalam sistem politik masing-masing menjadi halangan kepada kerjasama kerana mereka masih dikehendaki berusaha ke arah memastikan standard kerajaan baik yang boleh diterima.

Sambil menegaskan membuat dakwaan sesuatu sistem kerajaan itu baik dan adil sebagai sikap bongkak, katanya, kenyataannya ialah demokrasi boleh membawa kesengsaraan kepada kebanyakan orang.

Katanya: +Ini dapat dilihat daripada kejadian kekejaman dan kematian semaa pilihan raya, rusuhan dan pemogokan yang mengurangkan produktiviti negara dan menyebabkan kemiskinan.

+Kita lihat pada masa ini ada negara yang dipilih secara demokratik telah meniadakan hak berpolitik rakyatnya, menghalau keluar, mengganas dan membunuh mereka dan pada umumnya bertindak sebagai penjahat tetapi masih disokong oleh demokrasi hanya kerana ia ditakrif sebagai demokratik.+

Merujuk kepada para-para yang kosong dan kelaparan di Komanwel Negara-negara Bebas (sebelumnya Soviet Union) dan Eropah Timur, Datuk Seri Dr Mahathir berkata demokrasi bukannya penawar universal sebagaimana dilaung-laungkan sebelum ini. -- Lagi

♥27/01/12-36MST

CNS6983

U GB 27-01 00133 XA751

aab

Mahathir-Asean 4 Singapura

+Untuk berjaya, kita mesti terus berwaspada dalam melaksanakan proses demokrasi. Tiada sesiapa yang seharusnya dipaksa ataupun tergesa-gesa menyertai sistem yang bukan sesuatu yang lazim bagi mereka,+ katanya.

Mengenai alam sekitar, Datuk Seri Dr Mahathir berkata terlalu banyak tumpuan diberi terhadap hutan tropika dan peranannya dalam mengeluarkan bekalan oksigen, pemeliharaan flora dan fauna serta pengimbangan ekologi.

Menyebut bahawa negara kaya yang berjumlah 20 peratus di dunia yang menyebabkan 80 peratus daripada pengeluaran gas rumah kaca, beliau berkata jika hutan dapat menyelamatkan dunia daripada kesan rumah kaca, maka tumpuan menyeluruh +menghijaukan+ dunia hendaklah dilaksanakan.

Menghalakan pandangannya kepada barat, Datuk Seri Dr Mahathir berkata dengan kekayaan dan teknologi yang mereka miliki, adalah memungkinkan untuk menanam dan juga menutupi gurun dengan tumbuh-tumbuhan. -- Lagi

▼27/01/13-05MST

CNS7003

U GB 27-01 00165 XA752

aab

Mahathir-Asean 5 (akhir) Singapura

Katanya, satu isu yang tidak diberi perhatian langsung ialah kebakaran hutan yang menyebabkan pemsahan lebih teruk kepada alam sekitar daripada penebangan balak yang terkawal.

Apatah lagi, negara-negara membangun tidak mempunyai keupayaan dari segi kewangan dan teknologi untuk mengatasi kebakaran hutan dengan berkesan.

+Sudah tentu lebih banyak kawasan hutan dapat diselamatkan dengan menyekat kebakaran hutan ataupun memadamnya segera dan bukannya dengan memulau eksport kayu tropika ataupun meminta penghuni hutan terus duduk dalam hutan, makan monyet dan merana kerana pelbagai jenis penyakit tropika,+ katanya.

Mengenai dakwaan bahawa hutan tropika adalah warisan bersama, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Kami tidak mempertikaikan perkara ini, kerana kita mempunyai hak yang lebih ke atas hutan kita daripada mereka yang menuntut ke atas Antarctica (Khutub Selatan).+

+Tetapi jika dunia menunjukkan prihatin terhadap hutan tropika yang terus berkurangan dan berpendapat mereka mempunyai hak ke atasnya, maka mereka seharusnya memikirkan cara untuk mengatasi kebakaran hutan tropika,+ katanya. -- Bernama